



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA KURSI KEPIMPINAN WANITA DILULUSKAN JEMAAH MENTERI

KUALA LUMPUR;- Kuala Lumpur;- Satu Kursi yang akan menjadi pemangkin kepada pembangunan kompetensi kepimpinan wanita Malaysia telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 11 Januari 2012.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil telah menyatakan perkara ini setelah memperoleh kelulusan Kabinet ke atas cadangan penubuhan Kursi untuk Kepimpinan Wanita yang akan memberikan motivasi dan hala tuju kepada wanita Malaysia yang mempunyai potensi dalam bidang kepimpinan ke tahap yang lebih tinggi. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membuat keputusan untuk menubuhkan Kursi tersebut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

“Dengan penubuhan Kursi ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan berkolaborasi dengan UKM ke arah meningkatkan pertumbuhan daya intelektual dan menggilap potensi wanita yang berketerampilan untuk dibimbing, dilatih dan dibentuk menjadi pemimpin yang strategik dan berwawasan.” kata Shahrizat. Beliau menambah bahawa beberapa personaliti yang terkenal daripada kalangan cendekiawan dan ahli akademik tempatan dan antarabangsa akan dijemput untuk menjalankan melaksanakan pelbagai aktiviti bagi Kursi tersebut termasuk penyelidikan dan inisiatif lain. Para penyelidik tempatan dan antarabangsa akan mengambil bahagian dalam melaksanakan latihan serta mengenal pasti calon-calon yang berpotensi untuk diasah dan dibimbing.